

Skrin "Pengesahan Pendaftaran" akan dipaparkan.



Penuhkan ruangan yang disediakan untuk mengaktifkan akaun anda.

- Semak e-mel anda untuk mendapatkan "Kod Pengaktifan"
- Salin "Kod Pengaktifan" dan masukkan di ruang yang disediakan dan klik "Aktif".

Klik menu "Permohonan" untuk menghantar permohonan.

- Pilih dan isikan maklumat yang diperlukan.
- Setelah selesai, klik "Daftar"



Klik menu "Permohonan" untuk mengetahui status permohonan anda.

- Bagi permohonan yang "TIDAK DISAHKAN", sila buat pembetulan seperti yang dikehendaki dan hantar semula permohonan tersebut.
- Bagi permohonan yang "DISAHKAN", sila klik pada "No. Pengesahan" untuk mencetak "Sijil Pengesahan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka", seperti yang berikut:



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Telefon : 03-2147 9103  
: 03-2147 3103  
: 03-2147 3110

Faksimile : 03-2147 9503

Surat-menyurat

Ketua,  
Bahagian Penguatkuasaan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Aras 25, Menara DBP,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 KUALA LUMPUR.



# KHIDMAT PENGESEAHAN BAHASA



ديوان بهاس دان پوسٽاڪا  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
Malaysia

<http://www.dbp.gov.my>

## KHIDMAT PENGESAHAN BAHASA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (KPBDBP)

### PENGENALAN

**Khidmat Pengesahan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (KPBDBP)** ialah perkhidmatan untuk menyemak dan mengesahkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan, nama khas dan dokumen. KPBDBP dilaksanakan secara dalam talian melalui laman web [www.prpm.dbp.gov.my](http://www.prpm.dbp.gov.my), kunjungan/kaunter, faksimile dan e-mel.

### TUJUAN

- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul.
- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

### KHIDMAT PENGESAHAN YANG DITAWARKAN

- Penggunaan bahasa kebangsaan dalam visual iklan pada papan iklan luar, papan iklan premis perniagaan, gegantung, kain rentang dan lain-lain.
- Penamaan bangunan, syarikat, kawasan perumahan, tempat awam, jalan dan lain-lain.
- Penggunaan bahasa kebangsaan dalam dokumen rasmi dan dokumen umum yang tidak melebihi 100 patah perkataan.

### WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER

- Hari Isnin – Khamis : 9.00 pagi – 12.30 tengah hari  
: 2.30 petang – 4.30 petang
- Hari Jumaat : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari  
: 3.00 petang – 4.30 petang
- Kecuali hari Sabtu, Ahad, dan hari Kelepasan Am.

## KHIDMAT PENGESAHAN BAHASA DBP DALAM TALIAN

Sila layari laman web [www.prpm.dbp.gov.my](http://www.prpm.dbp.gov.my) dan klik menu "e-Perkhidmatan".



Klik "Khidmat Pengesahan Bahasa DBP"



Skrin "Daftar Masuk" akan dipaparkan.



Pengguna yang pertama kali berkunjung perlu mendaftar terlebih dahulu. Isikan maklumat yang diperlukan. Setelah selesai, klik "Daftar"

